



Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras Datuk Naimah Ramli

PENETAPAN HARGA BELIAN PADI YANG SERAGAM DI SEMENANJUNG MALAYSIA PADA KADAR RM1,200/MT

PUTRAJAYA: Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani hari ini menegaskan, harga padi di Semenanjung Malaysia diseragamkan pada RM1,200 setan metrik

Menurut Ketua Pengarah Pengawalan Padi dan Beras, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Naimah Ramli, bagaimanapun bayaran sebenar bergantung kepada mutu atau kualiti padi yang dihasilkan.

“Keputusan ini selaras dengan pengumuman yang dibuat oleh Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Seri Ismail Sabri di Kelantan kelmarin,” katanya dalam satu kenyataan yang dikeluarkan hari ini.

Naimah berkata demikian bagi menjelaskan beberapa persoalan dan kekeliruan berhubung isu ini yang dimanipulasikan oleh pihak-pihak tertentu mengenai harga yang akan mula diselaraskan mulai musim tuaian akan datang.

“Kita menjelaskan perkara ini kerana timbul persoalan mengapa Menteri perlu menetapkan harga belian pada harga RM1,200 per tan metrik.

“Menteri dan Kementerian memahami isu dan masalah yang membeban pesawah selama ini, kerana itu kita membuat keputusan supaya harga diseragamkan di seluruh Semenanjung berbanding sebelum ini di mana harga padi berbeza di antara satu negeri berbanding satu negeri yang lain.” Katanya.

Naimah menarik perhatian, langkah ini juga dilihat dapat mengekang aktiviti pemindahan padi tanpa kebenaran yang dilakukan oleh pihak tertentu dari negeri yang harga belian padi murah ke negeri yang menawarkan harga yang lebih tinggi.

“Bagaimanapun, harga bersih bayaran padi kepada pesawah bergantung kepada mutu padi. Semakin tinggi kandungan padi muda, batang padi, jerami, hampa, batu dan lain-lain akan mengurangkan lagi bayaran bersih padi tersebut,” jelasnya.

a) Ketika ini harga belian padi berbeza di setiap negeri.

BIL.	NEGERI	HARGA BELIAN (RM / MT)	KADAR PEMUTUAN TAWARAN	KADAR PEMUTUAN SEBENAR
1	Perlis	1,050	17 – 18%	22 – 25%
2	Kedah	1,050	17 – 18%	22 – 25%
3	Pulau Pinang	1,050	17 – 18%	22 – 25%
4	Perak	1,100	17 – 18%	20 – 23%
5	Selangor	1,200	17 – 18%	20 – 23%
6	Kelantan	980	23 – 24%	26 – 28%
7	Terengganu	980	23 – 24%	26 – 28%
8	Pahang	1,050	18 – 19%	22 – 25%

b) PEMUTUAN SEBENAR PADA MASA INI ADALAH DI ANTARA 20 – 23%. KOMPONEN YANG MENENTUKAN PEMUTUAN SEBENAR MELIPUTI:

BIL.	KOMPONEN	SEBENAR	AMALAN TAWARAN POTONGAN
I.	<i>IMPURITIES</i> (PADI MUDA, BATANG PADI, JERAMI, HAMPA, BATU, DLL)	10 – 15%	7 – 8%
II.	WAP BASAH	11 – 12%	11 – 12%
JUMLAH PEMUTUAN		21 – 27%	17 – 19%

Sementara itu, Naimah berkata pelaksanaan harga seragam ini akan bermula pada musim penuaian baru dan jadual tuaian mengikut negeri adalah seperti berikut:

- a. PAHANG – FEB / MAC 2014
- b. KELANTAN – MAC 2014
- c. SELANGOR – APRIL 2014
- d. PERAK – JUN 2014
- e. KEDAH / PULAU PINANG / PERLIS – JULAI 2014
- f. JOHOR / MELAKA / NEGERI SEMBILAN – TIDAK BERMUSIM DAN BOLEH DILAKSANAKAN SERTA MERTA.

Habis

Nota: Sebarang pertanyaan sila hubungi Datuk Naimah Ramli – 03-88701809 atau email: naimah@moa.gov.my